

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SKP 106 - Pengantar Pengajian Pembangunan

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan dari soalan-soalan berikut:

1. Sejauhmanakah istilah Selatan, Utara, Timur, Barat, Dunia-Dunia Pertama, Kedua, Ketiga sesuai digunakan dalam membayangkan perbezaan pembangunan dunia? Apakah setengah daripada perkembangan-perkembangan baru di dunia yang mungkin mencabar penggunaan istilah-istilah ini?

(100 Markah)

2. Bandingkan teori-teori Difusionisme, Dualisme dan Pergantungan dalam menerangkan asal-usul kemunduran setengah-setengah negara di dunia. Bincangkan teori-teori ini dengan melihat perkara-perkara berikut; yang disentuh oleh tiap satu teori:

- [i] Hujah asas tentang hubungan negara kaya dan negara miskin
- [ii] Langkah-langkah mengikut teori-teori tertentu untuk mengatas kemunduran
- [iii] Kelemahan teori tertentu dalam menerangkan dengan sempurnanya pembangunan masakini.

(100 Markah)

...2/-

3. Mengikut pendekatan teori Imperialisme-Marxisme, Kapitalisme sebagai satu corak dan sistem pembangunan telah menjelaskan lagi perbezaan di antara negara serta ketidaksamaan dalam masyarakat. Bincangkan.

(100 Markah)

4. Pilih salah satu dari isu-isu ini;

- [ii] Tenaga dan Pertumbuhan Ekonomi,
- [iii] Peningkatan Militarisasi, dan
- [iv] Keganasan Domestik.

Terangkan bagaimana isu yang dipilih penting dalam perbincangan tentang pembangunan. Seterusnya, apakah dasar pembangunan yang boleh digubalkan untuk mengawasi perkembangan negatif yang dibangkitkan dalam isu yang dipilih.

(100 Markah)

5. Wawasan 2020 bertujuan membina Malaysia sebagai sebuah negara maju. Setelah meninjau setengah dari isu-isu dalam pembangunan, sejauhmanakah patut kita mengikuti ragam pembangunan negara maju? Dalam menjawab soalan ini, bincangkan hujah-hujah yang terkandung dalam Wawasan 2020.

(100 Markah)